

02/06/2002

Ada peruntukan kaum lain masuk MRSM: PM

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, pembukaan Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) kepada semua kaum bukanlah satu perkara baru kerana sebelum ini memang wujud peruntukan untuk itu.

Bagaimanapun beliau tidak mengetahui siapa yang memberhentikan peraturan membenarkan pelajar bukan Bumiputera daripada melanjutkan pelajaran mereka di MRSM, katanya selepas menghadiri majlis perkahwinan anak perempuan pengawal peribadinya Ismail Manaf di Taman Puchong Intan dekat sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas laporan akhbar yang menyatakan MRSM akan memperuntukkan kuota 10 peratus kemasukan pelajarannya kepada bukan Bumiputera berikutan keputusan Kabinet mengenai perkara itu.

Dr Mahathir berkata: "Bagilah mereka (pelajar bukan Bumiputera) masuk. Tak apa. Sudah lama dulu kita (kerajaan) bagi masuk, siapa yang stop (memberhentikannya) tidak tahulah," katanya.

Beliau berkata apa yang dilakukan pada masa ini hanya meneruskan apa yang sudah diadakan sejak MRSM diwujudkan pada 1970-an lalu untuk membantu pelajar luar bandar mengikuti aliran sains.

Kini ada 32 MRSM yang berkonsepkan sekolah berasrama penuh di seluruh negara yang dikendalikan Mara dengan pengambilan 3,000 hingga 4,000 pelajar setahun. Setiap maktab kini mempunyai purata 750 pelajar.

Menjawab mengenai integrasi di kalangan pelajar, Perdana Menteri berkata beliau tidak melihat wujudnya masalah kerana kini sudah ramai anak Melayu belajar di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) tanpa memerlukan kerajaan memaksa mereka.

Ditanya bagaimana pula dengan konsep Sekolah Wawasan yang mendapat tentangan daripada sekumpulan masyarakat Cina, Dr Mahathir berkata yang menolak itu hanya satu kumpulan yang ekstremis, bukan semua.

Sekolah Wawasan yang bertujuan menempatkan tiga jenis sekolah - SRJK (C), SRJK (Tamil) dan Sekolah Kebangsaan - dalam satu kompleks yang berkongsi kemudahan dan kawasan, telah mendapat tentangan daripada Persatuan Jawatankuasa Sekolah Cina Bersatu Malaysia dan Persatuan Guru-guru Sekolah Cina Bersatu Malaysia atau "Dong Jiao Zong" sebelum ini.

(END)